

CDP Group dan Khazanah Nasional Berhad tandatangani MoU, mengukuhkan hubungan ekonomi dan menggalakkan pelaburan dua hala

Perjanjian tanpa ikatan selama empat tahun itu ditandatangani oleh CDP Equity, Fondo Italiano di Investimento, CDP Venture Capital dan Simest dan dana kekayaan berdaulat Malaysia pada edisi ketujuh Dialog Peringkat Tinggi mengenai Hubungan Ekonomi ASEAN-Itali di Bangkok

Memorandum itu adalah yang pertama seumpamanya antara Itali dan Malaysia

Kuala Lumpur, 5 Oktober 2023 - Kumpulan Cassa Depositi e Prestiti (“Kumpulan CDP”) dan dana kekayaan berdaulat Malaysia Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) menandatangani Memorandum Persefahaman (“MoU”) dengan tujuan mengenal pasti bidang-bidang yang berpotensi di mana pihak-pihak terlibat boleh mentakrif, menilai dan mengenal pasti peluang pelaburan dan kerjasama terutamanya dalam kedua-dua pasaran. Perjanjian empat tahun tanpa ikatan itu telah ditandatangani bagi Kumpulan CDP oleh anak-anak syarikat yang terdiri daripada CDP Equity, Fondo Italiano di Investimento SGR, CDP Venture Capital SGR dan Simest.

MoU itu dapat mengukuhkan hubungan ekonomi, perdagangan dan perindustrian antara Itali dan Malaysia, menggalakkan pelaburan antara kedua-dua negara dengan menyokong syarikat-syarikat Itali yang berminat untuk mengembangkan perniagaan mereka di rantau ASEAN dan menyokong kemasukan dan kehadiran dana kekayaan berdaulat Malaysia, Khazanah dan subsidiarinya di pasaran Itali.

Mou tersebut ditandatangani pada edisi ketujuh Dialog Peringkat Tinggi mengenai Hubungan Ekonomi ASEAN-Itali yang diadakan pada 3-4 Oktober di Bangkok, Thailand, dianjurkan oleh The European House - Ambrosetti dan disokong oleh CDP dan Simest sebagai Rakan Kongsi Utama.

Perjanjian itu, yang pertama seumpamanya antara Itali dan Malaysia, juga menetapkan bahawa Khazanah boleh menilai peluang pelaburan berpotensi dalam syarikat portfolio CDP Equity serta bekerjasama dengan Fondo Italiano d'Investimento SGR dan CDP Venture Capital SGR untuk menganalisis peluang kerjasama berpotensi dengan syarikat Itali dan/atau kumpulan yang mempunyai perniagaan penting di Eropah atau di Malaysia.

Manakala CDP, melalui SIMEST, dan Khazanah akan memberi tumpuan terutamanya terhadap menganalisis peluang pelaburan berpotensi dalam subsidiari Malaysia milik syarikat dan/atau kumpulan Itali. Ini menandakan kesediaan rangkaian perniagaan Itali untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dengan negara-negara ASEAN termasuk Malaysia, dengan meneroka peluang pelaburan di negara ini.

Perjanjian tanpa ikatan itu juga menyediakan penubuhan kumpulan kerja bersama yang terdiri daripada wakil daripada kedua-dua institusi yang akan menganalisis, memupuk dan menyelaras pembangunan peluang kerjasama seperti yang termaktub dalam dokumen yang ditandatangani.

Francesco Mele, Pengarah Pelaburan CDP dan Ketua Pegawai Eksekutif CDP Equity berkata: "Perjanjian tanpa ikatan selama empat tahun yang ditandatangani oleh Kumpulan CDP dengan Khazanah Nasional Berhad adalah satu titik penting dalam proses mengukuhkan hubungan dengan pelabur institusi antarabangsa bagi memupuk potensi pertumbuhan syarikat Itali di Asia Tenggara dan kemasukan pemain baharu dengan pengalaman terbukti dan kekuatan modal untuk meningkatkan pembangunan ekosistem Itali".

Dato' Amirul Feisal Wan Zahir, Pengarah Urusan Khazanah berkata: "Khazanah berbesar hati menjadi sebahagian daripada kerjasama strategik bersama Kumpulan CDP yang akan memperkuatkan lagi hubungan dua hala antara Itali dan Malaysia. Melalui kerjasama ini, kami dapat bersama-sama memudahkan dan mewujudkan lebih peluang bagi perusahaan Itali yang sedang melabur atau bersedia untuk melabur di Malaysia, dan begitu juga sebaliknya, meningkatkan kekuatan dan daya tahan ekonomi kedua-dua negara."

"Pelaburan antarabangsa Khazanah merangkumi pelbagai kelas aset dan pasaran. Sebagai dana kekayaan berdaulat Malaysia, kami menjajarkan pelaburan-pelaburan ini secara strategik dengan aliran mega global dan teknologi baru muncul, memenuhi matlamat berkembar iaitu mengembangkan nilai portfolio kami dan memudahkan aliran pengetahuan, rangkaian dan peluang pelaburan ke Malaysia. Oleh itu, kami berharap untuk mendapat manfaat daripada perkongsian kami dengan CDP, salah satu Dana Berdaulat Eropah yang terkemuka."

CDP Equity

CDP Equity is an investment holding company controlled by Cassa Depositi e Prestiti, whose objective is to pursue the Group's equity investment strategy directly through investments in Italian companies of strategic national interest capable of generating long-term value and, indirectly, through asset management companies that invest in various sectors of the Italian economy.

Fondo Italiano d'Investimento SGR

Founded in 2010 upon the initiative of the Italian Ministry of Economy and Finance (MEF) with stakes held by CDP Equity, Intesa Sanpaolo, UniCredit, Fondazione ENPAM, Fondazione ENPAIA, ABI, Banco BPM and BPER Banca, Fondo Italiano d'Investimento SGR has as its major objective the management of closed-end equity funds dedicated to promoting inflows of capital towards the system of top-quality Italian companies, combining the aims of invested capital returns, in line with international benchmarks, with those of the development of the Italian production system. Fondo Italiano manages 16 closed-end securities investment funds reserved for qualified investors worth more than 3 billion euro and operates through direct investments and indirect investments (funds of funds). Fondo Italiano considers sustainability a fundamental value and is committed to integrating environmental, social and governance (ESG) criteria into its investment activities.

CDP Venture Capital SGR

CDP Venture Capital is an asset management company (70% owned by CDP Equity and 30% owned by Invitalia) with more than 3 billion euro of assets under management. It aims to make Venture Capital a strategic pillar of Italy's economic development and innovation, creating the conditions for a comprehensive and sustainable growth of the Venture Capital ecosystem. It operates through a series of funds that aim to support start-ups in all their life cycle stages, making both direct and indirect investments.

Simest

SIMEST is the CDP Group company that supports the growth and competitiveness of Italian companies worldwide, with a particular focus on SMEs. SIMEST assists companies throughout the international development cycle, from the initial assessment of opening up to a new market to expansion and consolidation through support for foreign direct investment. There are three lines of activity: soft loans to support international expansion, export credit support and equity investments.

Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) is the sovereign wealth fund of Malaysia entrusted to deliver sustainable value for Malaysians. In line with its long-term strategy of Advancing Malaysia, Khazanah aims to deliver its purpose by investing in catalytic sectors, creating value through active stewardship, increasing its global presence, as well as building capacity and vibrant communities for the benefit of Malaysians. For more information on Khazanah, visit www.khazanah.com.my

Media Contacts

CDP Relazioni con i Media

Mail: ufficio.stampa@cdp.it Tel:
06 42213990 www.cdp.it



 CDP adotta sistemi di consumo responsabili.
Pensa prima di stampare questa e-mail.

Khazanah Nasional Media Contact:

Sherliza Zaharudin
E-mail: Sherliza.zaharudin@khazanah.com.my
Contact: +60192676346

Fondo Italiano di Investimento

Roberto Travaglino
Fondo Italiano d'Investimento
SGR
+39 02 63532 208
roberto.travaglino@fondoitaliano.it

Media Relations CDP Venture Capital SGR

Alessandra Acutis
alessandra.acutis@cdpventurecapital.it
+39 348 8328308

Ufficio stampa SIMEST

ufficio.stampa@simest.it
Twitter: @SIMEST_IT
Contatti per le aziende
800.020.030

Thanai Bernardini
Ufficio stampa esterno +39
335 7245418
me@thanai.it